

RINGKASAN EKSEKUTIF

“Cadangan Pembangunan Ladang Pertanian Yang Berkonsepan “Agro Farming & Agro Tourism” Seluas 121.71 Hektar (300.75 Ekar), di Atas PT 24738 dan PT 24739, Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan”.

PEMILIK TANAH

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak
No.3, Jalan Taman Kinta, Taman Chateau, 30250 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel : +605-2537924 / +605-253 7928
Fax : +605-253 4814

PENGERAK PROJEK

Obor Hasil Sdn. Bhd.
(No. Syarikat: 739831-K)
107A, Jalan Bahru, Pinji Centrepoint, 31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel : +605-241 1456

PERUNDING EIA

KenEp Consultancy & Services
(No. Syarikat: 201503228179 (IP 0436751 – T))
No. 5-9, Jalan Jelapang Bayu 1, Puncak Jelapang Bayu 30020 Ipoh, Perak.
Tel : +605-525 0336
Fax : +605-525 2908



Polisi Kerajaan

Untuk meningkatkan pembangunan lestari dalam agro pertanian dan agro pelancongan di Malaysia, terutamanya di negeri Perak.

PERNYATAAN KEPERLUAN



Kelestarian Masa Depan

Menggalakkan pembangunan agro pertanian untuk bekalan lestari masa depan serta meningkatkan pelaburan dalam industri agro pertanian dan agro pelancongan.



Ekonomi

Mempromosikan kawasan sebagai ikon pelancongan baru di Negeri Perak.

KEPERLUAN PERUNDANGAN

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015

Jadual Pertama

Aktiviti 13: “PEMBANGUNAN DI KAWASAN CERUN: Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50 peratus kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25° tetapi kurang daripada 35° ”



LOKASI PROJEK



Kawasan projek terletak di PT 24738 dan PT 24739 dengan keluasan keseluruhan 121.71 hektar (300.75 ekar) di Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.



Kawasan projek boleh diakses dari Simpang Pulai menuju Jalan Persekutuan 185 (Jalan Simpang Pulai - Cameron Highland) sejauh ±36 km. Jalan akses ke kawasan projek akan melalui jalan sedia ada di sebelah kiri. Jalan akses sedia ada (Jalan 1, Jalan 2, Jalan 3, dan Jalan 5) akan digunakan untuk tujuan pertanian. Sementara itu, Jalan 1 dan Jalan 4 juga digunakan oleh pelancong untuk ke taman agro pelancongan (Hobbitoon).

LATAR BELAKANG PROJEK

Kawasan tapak projek terdiri daripada dua (2) plot iaitu PT 24738 dengan keluasan 100.253 hektar (Plot 1) dan PT 24739 dengan keluasan 21.457 hektar (Plot 2). Tempoh pajakan adalah selama 99 tahun, tamat pada 24 Januari 2116 untuk lot-lot tersebut. Perjanjian pajakan adalah antara Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) dan Obor Hasil Sdn. Bhd.

Plot 1 telah diberikan pajakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak selama 60 tahun melalui surat bertarikh 27 April 2017 (PJ1804012392). Manakala, Lembaga Tanah Ladang telah bersetuju untuk meluluskan pajakan tanah selama 30 tahun di HSD 231147, PT 24738 dan HSD 231148, PT 24739 di Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta kepada Obor Hasil Sdn. Bhd.

Pengerak Projek bercadang untuk membangunkan tanah ini menjadi kawasan agro pertanian dan agro pelancongan yang meliputi kawasan seluas 121.71 hektar (300.75 ekar). Secara amnya, sebahagian besar kawasan projek telah menjalani kerja-kerja pembersihan tanah yang meluas, penggalian/pengisian, dan kini diliputi oleh kebun terbuka, rumah hijau, dan taman agropelancongan (Hobbitoon) manakala bahagian barat daya kawasan projek sebahagian besarnya merupakan kawasan hutan yang belum dibangunkan.

Kira-kira 48.939 hektar daripada kawasan projek telah dibangunkan. Sementara itu, sekitar 8.597 hektar Hutan Simpan Bukit Kinta yang terletak di sekeliling kawasan projek telah dibangunkan untuk kestabilan cerun dan pembinaan jalan akses dari Jalan Persekutuan 185 (Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands) ke kawasan projek.

Obor Hasil Sdn Bhd telah menerima Notis Arahan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertarikh 8 Jun 2021. Obor Hasil Sdn Bhd telah menjalankan aktiviti pembersihan tapak, kerja tanah, dan pertanian tanpa sebarang kelulusan daripada JAS.

PERSEKITARAN SEDIA ADA



Topografi

- Terletak di kawasan berbukit dengan ketinggian dari 830 m atas min aras laut (AMSL) sehingga 1,038 m
- Kebanyakan kawasan projek (49.39%) dikategorikan sebagai kawasan sangat curam dengan kecerunan lereng antara 35°-60°



Geologi

Acid Intrusive & Silurian Ordovician



Soil

Tanah Curam



Hydrologi

Mengalir ke anak Sungai Ikom, Sungai Sugut, Sungai Gugu, Sungai Kiet, Sungai Bitin, Sungai Pelau, dan Sungai Raya. Sungai-sungai ini akhirnya mengalir ke hilir Sungai Raya, yang seterusnya akan mengalir ke Sungai Kinta dan akhirnya Sungai Perak.

Muka Sauk

Tiada muka sauik yang akan terkesan dari kawasan tapak Projek. Loji Rawatan Air Sungai Kampar dan Loji Rawatan Air Sungai Palai tidak akan terkesan kerana terletak di catchment yang berbeza.



Existing Landuse

- Aktiviti agro pertanian oleh Agrote Business (M) Sdn. Bhd (1.25 km; timur laut tapak projek)
- Kawasan Penempatan Terdekat
 - Kampung Sungai Penuh (1km; timur laut)
 - Pos Atap Baru (1.25 km; barat daya)
 - Kampung Palas (1.75 km; barat laut)
 - Kampung Chiduk (2 km; barat daya)
 - Kampung Pawong (2.25 km; barat daya)
 - Pos Slim (4.25 km; barat)
 - Kampung Tersusun Mawar Tepian Desa (4.50 km; timur laut)




Meteorologi

Stesen Ipoh
Hujan Tahunan: 3345.5 mm

Rujukan Laporan: KCS/OH/363/Pt.2-EIA-0823-5487

RINGKASAN EKSEKUTIF

“Cadangan Pembangunan Ladang Pertanian Yang Berkonsepkan “Agro Farming & Agro Tourism” Seluas 121.71 Hektar (300.75 Ekar), di Atas PT 24738 dan PT 24739, Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan”.



RINGKASAN EKSEKUTIF

“Cadangan Pembangunan Ladang Pertanian Yang Berkonsepkan “Agro Farming & Agro Tourism” Seluas 121.71 Hektar (300.75 Ekar), di Atas PT 24738 dan PT 24739, Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan”.

AKTIVITI PROJEK

OPERASI DAN PENYELENGGARAAN

PERANCANGAN

- Kajian tanah dan topografi;
- Jadual kerja;
- Kajian asas alam sekitar; dan
- Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling.

PEMBANGUNAN / PENANAMAN

- Penyelenggaraan jalan masuk dan jalan dalaman;
- Menaik taraf dan pembinaan sistem perparitan;
- Pemasangan alatan LDP2M2 seperti *check dam*, perangkap sedimen dan pagar kelodak;
- Penyelenggaraan struktur rumah hijau sedia ada;
- Menanam tanaman tutup bumi dan merumput di kawasan yang terdedah dan kawasan cerun terdedah;
- Pembersihan tapak untuk kawasan hutan yang belum dibangunkan;
- Kerja tanah (gali dan timbun);
- Pembentukan platform;
- Pembinaan struktur rumah hijau;
- Pemilihan jenis penanaman;
- Penubuhan tapak semeaian;
- Penyediaan lapangan untuk kebun terbuka, sistem pertanian rumah hijau dan sistem hidroponik;
- Pembajaan;
- Kawalan perosak dan rumpai; dan
- Landskap

- Pengurusan sisa pepejal dan kumbahan;
- Penyelenggaraan am;
- Penyelenggaraan LDP2M2;
- Pembersihan longkang;
- Pembajaan;
- Pemangkasan;
- Kawalan rumpai;
- Kawalan perosak dan penyakit;
- Penyelenggaraan kawasan pertanian dan lepas usahahasil; dan
- Penanaman semula.

PENINGGALAN

- Mengeluarkan struktur binaan dan mesin; dan
- Menanam semula kawasan yang telah diganggu.

IMPAK BERPOTENSI

CADANGAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN LANGKAH MITIGASI




- 1) Hadkan kawasan kerja secara minimum dan percepatkan kerja semasa musim kemarau
- 2) Pemasangan Amalan Pengurusan Terbaik (BMP)
- 3) Menjalankan penyelenggaraan berkala bagi kolam perangkap sedimen
- 4) Mengekalkan *bund* dan saliran di kawasan cadangan tapak Projek
- 5) Pemantauan kualiti air pada pelepasan kolam perangkap sedimen
- 6) Menjalankan program pemantauan kualiti air
- 7) Mengekalkan zon penanaman sungai
- 8) Pemasangan tolok hujan
- 9) Pembangunan projek dijalankan secara berfasa bagi kawasan yang masih belum dibangunkan



- 1) Jentera yang digunakan harus diperiksa dan diselenggara dengan baik
- 2) Sebarang aduan daripada penduduk berhampiran hendaklah segera diambil tindakan
- 3) Kawal selia bilangan perjalanan kenderaan luaran dan dalaman setiap hari
- 4) Menjalankan program pemantauan bunyi bising
- 5) Menyediakan penyumbat telinga atau penutup telinga kepada pekerja
- 6) Mengadakan syif kerja untuk pekerja
- 7) Menjalankan ujian audiometri ke atas pekerja



- 1) Kerap menyembur air pada permukaan yang terdedah terutamanya pada musim kemarau
- 2) Memastikan semua kenderaan melalui ruang cuci sebelum keluar je jalan utama
- 3) Kawalan trafik seperti had laju dan sekatan bilangan trafik
- 4) Kenderaan yang mengangkut bahan binaan hendaklah ditutup dengan kain tarpaulin
- 5) Pembakaran terbuka adalah dilarang
- 6) Kenderaan perlu diselenggara dengan betul
- 7) Menjalankan program pemantauan udara ambien



- 1) Mengadakan kerjasama dengan Jabatan Perhilitan apabila perlu
- 2) Memastikan kakitangan yang mengendalikan pengurusan alam sekitar dan hidupan liar dilantik
- 3) Bekerjasama dengan penduduk tempatan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman
- 4) Larangan memberi makanan kepada hidupan liar
- 5) Memburu, mengganggu, menangkap, memusnahkan, mengurung dan/atau membiak haiwan adalah dilarang



- 1) Tiada pembakaran terbuka
- 2) Tong pelupusan yang mencukupi disediakan di tapak
- 3) Pelupusan yang betul di tapak pelupusan yang diluluskan
- 4) Kawasan penyimpanan buangan terjadual yang sesuai perlu disediakan
- 5) Pekerja hendaklah dibekalkan dengan kemudahan sanitasi yang mencukupi
- 6) Penyelenggaraan system rawatan kumbahan kecil secara berkala
- 7) Setiap pekerja hendaklah dibekalkan dengan pakaian dan peralatan yang sesuai semasa penyemburan racun perosak dan penggunaan baja
- 8) Sisa biojisim akan dilupuskan melalui kompos di kawasan yang sesuai di dalam tapak projek dan digunasemula sebagai baja organik



- 1) Perhatikan aspek keselamatan yang berkaitan dengan keadaan projek
- 2) Mematuhi pelan tindak balas kecemasan yang digubal
- 3) Pengemasan yang betul di lokasi tapak projek
- 4) Pekerja asing mesti menjalani saringan perubatan melalui FOMEMA
- 5) Pastikan tiada tempat takungan air yang boleh mengakibatkan pembiakan nyamuk
- 6) Pekerja diminta memakai baju lengan panjang dengan seluar panjang



- 1) Langkah-langkah keselamatan jalan raya dan tebatan habuk mesti dilaksanakan
- 2) Pemaju Projek hendaklah memperbaiki jika terdapat sebarang kerosakan jalan yang disebabkan oleh kenderaan berat
- 3) Pergerakan peralatan dan jentera hendaklah dirancang dan dipantau dengan rapi



RINGKASAN EKSEKUTIF

“Cadangan Pembangunan Ladang Pertanian Yang Berkonsepkan “Agro Farming & Agro Tourism” Seluas 121.71 Hektar (300.75 Ekar), di Atas PT 24738 dan PT 24739, Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan”.

PEMANTAUAN PRESTASI (PM)

Komponen	Parameter	Lokasi	Kekerapan
Pelepasan Perangkap Sedimen	Kawalan Lumpur (Jumlah Pepejal Terampai, Kekeruhan)	4 lokasi (ST1, ST2, ST3 & ST4)	Bulanan
Jalan Masuk	Kawalan Habuk		Tiga Bulan Sekali
Longkang Perimeter dengan Check Dam	Paras Mendapan		
Pagar Kelodak			
Penanaman Sungai	Prestasi		
Penanaman Rumput			
Laluan Air (Pembetung)	Struktur dan Prestasi		

PEMANTAUAN PEMATUHAN (CM)

Komponen	Parameter	Lokasi	Kekerapan
Pelepasan Perangkap Sedimen	Jumlah Pepejal Terampai, Kekeruhan	4 lokasi (ST1, ST2, ST3 & ST4)	Bulanan
Pemeriksaan Tapak oleh CISEC/ CEPEOEIA	-	-	Suku tahun, dan dalam masa 24 jam selepas hujan $\geq 12.5\text{mm}$
Audit Alam Sekitar	-	-	Setiap empat bulan sekali semasa peringkat pembangunan, penanaman, operasi dan penyelenggaraan

PEMANTAUAN KESAN (IM)

Komponen	Lokasi	Parameter & Kekerapan
Kualiti Air Sungai	20 stesen (Sungai Bubok, Sungai Raya, Sungai Ikom, Sungai Sugut, Sungai Gugu, Sungai Kiet, Sungai Pelau dan Sungai Bitin)	Parameter: Suhu, pH, Permintaan Oksigen Kimia, Permintaan Oksigen Biologi, Nitrogen Ammonia, Minyak & Gris, Jumlah Pepejal Terampai, Oksigen Terlarut, Nitrat Kekerapan: Bulanan
Kualiti Air Bawah Tanah	3 stesen (Rujuk Jadual 6-15, Bab 6)	Mematuhi Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan : Standard Untuk Kegunaan Rawatan Air Mentah Secara Konvensional (Air Minuman) Kekerapan: Tiga Bulan Sekali
Kualiti Udara Ambien	2 stesen (Jalan masuk, Kg Sungai Penuh (penempatan terdekat))	Parameter: PM_{10} , $PM_{2.5}$, SO_2 , NO_2 , CO , O_3 Kekerapan: Tiga Bulan Sekali
Tahap Bunyi Bising		Parameter: Leq , L_{max} , L_{10} , L_{90} Kekerapan: Tiga Bulan Sekali

CADANGAN PELAN PEMANTAUAN

